

Teruja perkahwinan **Tunku Aminah**

NORSHIKIN MOHD SALLEH

JOHOR BAHRU - "Saya tak mahu lepaskan peluang merakamkan detik sejarah ini apatah lagi saya sangat meminati Tunku Tun Aminah dan keluarga Diraja Johor," kata seorang peminat dari Singapura yang ditemui di luar pekarangan Istana Bukit Serene.

Warga Singapura, Zaki Zakaria, 22, berkata, dia gembira atas perkahwinan puteri Sultan Johor, Tunku Tun Aminah Maimunah Iskandariah Sultan Ibrahim dengan warga Belanda, Dennis Muhammad Abdullah.

Atas keterujaan itu, pelajar jurusan seni bina dari Temasek Polytechnics itu berada di luar pekarangan istana seawal jam 7 pagi.

"Selepas subuh tadi saya bersama ayah bergerak dari Singapura semata-mata untuk merakam detik bersejarah



Kereta dinaiki Sultan Ibrahim dilihat memasuki Istana Bukit Serene pada jam 8.45 pagi untuk istiadat pernikahan Tunku Tun Aminah dengan Dennis Muhammad. - FOTO: BERNAMA

ini.

"Saya mengetahui mengenai perkahwinan ini menerusi media, meskipun dimaklumkan istiadat pernikahan diadakan secara tertutup tetapi saya tetap ingin merasai sendiri suasana dan tunggu sehingga majlis persandingan malam ini (semalam)," katanya.

Turut kelihatan warga

media tempatan dan asing yang sama-sama berkumpul di luar pintu gerbang untuk merakamkan gambar dan video peristiwa bersejarah itu.

Zaki berkata, dia sering mengikuti perkembangan semasa keluarga Diraja berkenaan melalui media.

"Saya mula meminati keluarga Diraja Johor, lebih-lebih apabila bertemu sendiri

dengan Tunku Tun Aminah di sebuah cafe di bandar raya sejak setahun lepas.

"Baginda seorang yang ramah dan saya sangat suka peribadi baginda selain gaya fesyen yang sering digayakan Puteri Johor itu," katanya.

Terdahulu, kenderaan Rolls-Royce berwarna biru yang membawa Sultan Johor, Sultan Ibrahim Sultan

Iskandar dilihat memasuki gerbang istana pada jam 8.45 pagi.

Ia diikuti kenderaan keluarga Diraja membawa Tunku Mahkota Johor, Tunku Ismail Sultan Ibrahim; Tunku Temenggong, Tunku Idris; Tunku Panglima, Tunku Abdul Rahman dilihat memasuki istana.

Antara keluarga Diraja



ZAKI

INFO

• Antara keluarga Diraja yang hadir

Tengku Puan Pahang, Tunku Azizah Aminah Maimunah Iskandariah Sultan Iskandar.

lain yang menghadiri Istiadat Pernikahan puteri tunggal Sultan Johor itu termasuk Tengku Puan Pahang, Tunku Azizah Aminah Maimunah Iskandariah Sultan Iskandar.

Orang ramai ambil peluang saksi persandingan Diraja

JOHOR BAHRU - Seawal jam 6 petang orang ramai mula memenuhi pekarangan Dataran Bandaraya Johor Bahru bagi menyaksikan persandingan Tunku Tun Aminah Maimunah Iskandariah Sultan Ibrahim dan pasangannya, Dennis Muhammad Abdullah.

Pasangan mempelai Diraja ini terdahulu selamat diijab kabul dalam Istiadat Pernikahan di Istana Bukit Serene, dalam upacara tertutup.

Majlis persandingan yang berlangsung pada sebelah malamnya dipaparkan secara langsung dari Bilik Singgahsana Istana Besar.

Rata-rata orang ramai yang di-

temui teruja ingin menyaksikan persandingan ini.

Mekanik, Mohd Rohaizad Kamaruddin, 25, berkata, dia datang bersama anak dan ibunya bagi menyaksikan persandingan itu.

"Isteri bertugas dalam istana, jadi kami ambil peluang untuk menyaksikan perkahwinan ini di dataran.

"Saya memang mengikuti perkembangan keluarga Diraja ini," katanya.

Manakala, hasrat seorang suri rumah, Habibah Yusuf, 61, untuk pulang ke kampung ditangguhkan kerana ingin berkongsi kegembiraan menyaksikan persandingan Diraja.

"Tujuan memang nak datang tengok Tunku Tun Aminah dan suami.

"Sebab bukan senang nak tengok persandingan Diraja ini walaupun sebenarnya nak balik kampung Kota Tinggi hari ini (semalam)," katanya.

Bagi, Norfadzilah Abdul Malik, 22, dari Bakar Batu, meskipun sarat mengandung tujuh bulan, dia tidak mahu ketinggalan untuk turut serta ke Dataran Bandaraya.

"Memang suka sangat dengan Tunku Tun Aminah sebab dia cantik dan tidak sombong.

"Secara peribadi pernah lihat dia dari jauh, memang suka," katanya.



Habibah bersama ahli keluarga berkumpul untuk menyaksikan persandingan Diraja.